

**Senator BN gesa hormati keputusan mahkamah berhubung tukar agama anak  
Malaysian Insider  
July 23 , 2013  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Senator Datuk Dr Mashitah Ibrahim menggesa masyarakat supaya berpegang teguh dan percaya kepada keputusan mahkamah berhubung tafsiran 'parent' dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak penjagaan anak dan menentukan status agama bagi anak yang berusia 18 tahun.

Senator dari Barisan Nasional (BN) itu berkata tiada sebarang keraguan bagi mentafsir perkataan 'parent' dengan keputusan mahkamah dan Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kepada mahkamah untuk membuat tafsiran berlandaskan undang-undang.

"Tafsiran individu, ahli politik, peguam atau pemimpin pembangkang tidak boleh mengatasi kuasa hakim atau mahkamah. Jika semua orang boleh mentafsir sendiri peruntukan Perlembagaan, maka hancurlah sistem perundangan dan kehakiman.

"Jika ada pihak menolak mahkamah, bermakna dia menolak Perlembagaan. Inilah asas Perkara 128 Perlembagaan. Kita mahu dengar mahkamah atau Karpal Singh?" jelas Mashitah semasa usul menjunjung kasih titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong petang ini di Dewan Negara.

Beliau berkata, umat Islam sangat kecewa dengan penarikan tiga rang undang-undang baru ini iaitu Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013, Rang Undang-Undang Tatacara Wal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013.

Mashitah memberitahu, ramai yang ditemui termasuk mereka di bidang akademik, politik dan perundangan yang tidak bersetuju dengan penarikan rang undang-undang itu.

"Ada yang menyifatkan penarikan itu seperti tidak menghormati Sultan dan Majlis Raja-Raja yang sudah memperkenalkan rang undang-undang berkenaan.

"Tidak kurang yang menyifatkan ini adalah satu ujian yang memerlukan umat Islam bersatu dan mempertahankan kebenaran. Meskipun Akta 505 kekal, tiada jaminan pihak yang mempertikaikan agama Islam akan berdiam diri dan tidak terus mempertikai isu berkenaan," katanya.

Merujuk kepada kes pertukaran agama anak, Mashitah memetik kes Soon Singh a/l Bikar Singh lawan Perkim Kedah dan Anor (1996) yang mana Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa hanya Mahkamah Syariah mempunyai kuasa terhadap kes itu. - 23 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/senator-bn-gesa-hormati-keputusan-mahkamah-berhubung-tukar-agama-anak>

